



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**AMALAN AKTIVITI MASA LAPANG REMAJA SEKOLAH  
DI KOTAMADYA MEDAN**

**ABD. MUHYI BATUBARA**

**FPP L 1996 13**

**AMALAN AKTIVITI MASA LAPANG REMAJA SEKOLAH  
DI KOTAMADYA MEDAN**

**Abd. Muhyi Batubara**

**Master Sains Pembangunan Sumber Manusia**

**Universiti Pertanian Malaysia**

**1996**



## JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
Penghargaan .....	ii
Jadual Kandungan .....	iv
Senarai Jadual .....	vii
Abstrak .....	ix
Abstract .....	xi
 <b>BAB</b>	
<b>I. PENGENALAN .....</b>	<b>1</b>
Kontek Permasalahan Remaja .....	3
Strategi Penggunaan Masa Lapang .....	6
Pernyataan Masalah .....	7
Objektif Kajian .....	9
Objektif Am .....	9
Objektif Khusus .....	9
Kepentingan Kajian .....	10
Definisi Istilah .....	11
 <b>II TINJAUAN BAHAN BERTULIS .....</b>	<b>12</b>
Pengenalan .....	12
Konsep Masa Lapang .....	13



Jenis-Jenis Aktiviti Masa Lapang .....	15
Penggunaan Masa Lapang Remaja Lelaki dan Perempuan dan Faktor yang Berkaitan .....	18
Kesan dan Faedah/Manfaat Aktiviti Masa Lapang .....	20
<b>III METODOLOGI KAJIAN .....</b>	<b>24</b>
Batasan dan Kerangka Kajian .....	24
Lokasi Kajian .....	25
Populasi dan Pensampelan .....	26
Pengumpulan Maklumat .....	28
Analisis Kajian .....	29
<b>IV HASIL KAJIAN .....</b>	<b>30</b>
Profil Responden .....	30
Hobi/Minat Responden .....	38
Amalan Masa Lapang Semasa Cuti .....	39
Perbezaan Aktiviti Masa lapang Remaja Lelaki dan Perempuan .....	45
<b>V Ringkasan, Perbincangan, Kesimpulan dan Cadangan....</b>	<b>53</b>
Ringkasan .....	53
Perbincangan .....	57
Kesimpulan.....	62
Cadangan .....	64

<b>DAFTAR RUJUKAN .....</b>	<b>66</b>
<b>LAMPIRAN 1</b>	
Borang Soalselidik .....	71
<b>LAMPIRAN 2</b>	
Latar Diri .....	80

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>	<b>Halaman</b>
1 Taburan Jumlah Remaja yang Bersekolah dan Tidak Bersekolah di Negeri Medan Mengikut Tahun (1990-1993) .....	3
2 Kes-kes yang Pernah Dilakukan oleh Remaja Sekolah di Kotamadya Medan, Tahun 1994 .....	6
3 Taburan Responden Kajian Mengikut Sekolah .....	28
4 Taburan Responden Mengikut Beberapa Profil Diri .....	31
5 Taburan Responden Mengikut Sekolah dan Indeks Prestasi .....	33
6 Taburan Responden Mengikut Wang Saku dan Jantina .....	34
7 Taburan Responden Mengikut Tahap Pendidikan Bapa dan Ibu .....	35
8 Taburan Responden Mengikut Profil Ibu bapa.....	37
9 Taburan Responden Mengikut Hobi/Minat.....	39
10 Taburan Responden Mengikut Jenis Aktiviti Dalam hari Cuti (Ahad) .....	41
11 Taburan Responden Mengikut Aktiviti Menonton Televisyen dan Peruntukan Masa pada Hari Cuti (Ahad) .....	44
12 Taburan Responden Mengikut Aktiviti Masa Lapang pada Hari Ahad Mengikut Jantina .....	46

13	Taburan Bilangan Responden Mengikut Jenis Aktiviti dan Purata Masa Dalam Aktiviti Masa Lapang pada Hari Ahad Mengikut Jantina .....	49
14	Taburan Responden Mengikut Membantu Ibu bapa dengan Peringkat Pendidikan Bapa Mengikut Jantina.	51
15	Perbezaan Amalan Aktiviti Masa Lapang Responden Mengikut Jantina .....	52

**Abstrak tesis dikemukakan kepada Senat Universiti Pertanian  
Malaysia sebagai memenuhi sebahagian dari syarat-syarat  
keperluan untuk ijazah Master Sains**

**Amalan Aktiviti Masa Lapang Remaja Sekolah  
di Kotamadya Medan - Indonesia**

**Oleh**

**Abd. Muhyi Batubara**

Disember 1995

Pengurus : Profesor Madya Dr. Haji Azimi Hamzah  
Fakulty : Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan

Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui amalan penggunaan waktu lapang di kalangan remaja sekolah menengah atas tingkatan dua dan tiga pada hari cuti (Ahad). Seramai 127 orang responden telah dipilih secara rawak dan daripada pelajar tingkatan dua dan tiga sekolah menengah di Kotamadya Medan. Data telah dikumpulkan dengan menggunakan borang soal selidik berbentuk dairi.

Pada amnya responden mempunyai hobi/minat yang merangkumi membaca, membantu ibu bapa, menonton televisyen, dan mendengar radio.





Hasil kajian ini menunjukkan terdapat lima jenis aktiviti masa lapang yang biasa dilakukan oleh remaja sekolah pada hari cuti (Ahad). Antara aktiviti jenis-aktiviti ini yang menonjol di dalam rumah adalah membaca buku, membantu ibu, dan menonton televisyen. Sedangkan aktiviti di luar rumah adalah aktiviti sukan dan jalan-jalan sore.

Hasil kajian ini juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dari segi penggunaan masa antara remaja lelaki dan perempuan dalam satu aktiviti sahaja iaitu aktiviti menonton televisyen.

Kebanyakan dari responden lebih suka menghabiskan masa lapang mereka dengan aktiviti-aktiviti berbentuk hiburan berbanding dengan aktiviti-aktiviti lain. Didapati kebanyakan remaja lelaki dan perempuan menggunakan masa lapang mempunyai pemilihan aktiviti yang hampir sama.

Selanjutnya kajian ini mencadangkan kepada penyelidik yang akan datang lebih menyempurnakan dan memperluas kajian seperti mengkaji remaja di luar sekolah mahupun remaja sekolah.

**Abstract of thesis submitted to the Senate of Universiti Pertanian  
Malaysia as partial fulfilment of the requirements  
for the degree of Master of Science**

**Utilization of Leisure Time Activities Among Secondary Students  
in Kotamadya Medan - Indonesia**

**By**

**Abd. Muhyi Batubara**

December 1995

Chairman : Associate Professor Dr. Haji Azimi Hamzah  
Faculty : Centre for Extension and Continuing Education

The purpose of this exploratory study was to examine the utilization of leisure time among secondary students on Sundays. One hundred and twenty seven respondents were chosen randomly, from form two and three students of three schools in Kotamadya Medan. Questionnaires were used to gather data.

In general the students had the following hobbies: reading, helping their parents with the houseworks, watching television and listening to the radio.



The result of this study revealed that there were five types of activities that these secondary school students normally involved in on Sundays. Among the most common indoor activities mentioned by the respondents were reading, helping their parents with the houseworks and watching television. Whereas outdoor activities include sports and evening walks.

This study also showed that there was a significant difference in time usage between male and female respondents in one type of activity that is in watching television.

Most of the respondents preferred to allocate their spare time for entertainment compared to other activities. It was found that most of the male and female respondents shared similar activities during their leisure time.

The study suggests that future researcher to broaden the scope by including not only secondary school students but also adolescents who are outside the formal education system.

## **BAB I**

### **Pengenalan**

Sesebuah negara memerlukan remaja yang sanggup memikul cabaran zaman. Mereka hendaklah dibentuk supaya produktif, agresif serta kreatif sehingga berkeupayaan mencapai matlamat yang dirancang. Pembentukan remaja hendaklah bermula di peringkat sekolah lagi.

Usaha pembangun belia adalah bersesuaian dengan tujuan pendidikan Nasional yang dikuatkuasakan dalam Undang-Undang Republik Indonesia Nombor 2 Tahun 1989 mengenai Sistem Pendidikan Nasional pada bab dua menyatakan :

Pendidikan nasional bertujuan mencerdaskan kehidupan bangsa dan mengembangkan manusia Indonesia seutuhnya, iaitu manusia yang beriman dan bertaqwa terhadap Tuhan Yang Maha Esa dan berbudi pekerti luhur, memiliki pengetahuan dan keterampilan, kesehatan jasmani dan rohani, kepribadian yang mantap dan mandiri serta memiliki rasa tanggungjawab kemasyarakatan dan kebangsaan (Republik Indonesia, Lembaran Negara Tahun 1989).

Sementara itu dalam Garis Garis Besar Haluan Negara (GBHN, 1993) dinyatakan bahawa:



Pendidikan menengah diselenggarakan untuk melanjutkan dan meluaskan pendidikan dasar serta menyiapkan peserta didik menjadi anggota masyarakat yang memiliki kemampuan budaya mengadakan hubungan timbal balik dengan lingkungan sosial, dan alam sekitar serta dapat mengembangkan kemampuan lebih lanjut dalam dunia kerja atau pendidikan tinggi

Masalah pendidikan dan pembelajaran mempunyai hubungkait yang rapat dengan keadaan perubahan jumlah penduduk di sesebuah negara, seperti juga halnya dengan Indonesia. Berdasarkan Perangkaan Penduduk Indonesia 1992 jumlah keseluruhan penduduk Indonesia dianggarkan seramai 179,321,641 orang. Manakala penduduk Propinsi Sumatera Utara seramai 11,196,617 orang atau 6.24 peratus daripada penduduk Indonesia. Sementara itu penduduk Kotamadya Medan pula seramai 2,107,065 orang atau 18.82 peratus daripada penduduk Propinsi Sumatera Utara.

Daripada jumlah tersebut di atas, jumlah yang termasuk kategori remaja sekolah di Kotamadya Medan ialah seramai 134,826 orang, dan menengah atas ialah 102,101 orang. Ini bererti remaja yang tidak dapat masuk di Sekolah Menengah Atas adalah seramai 32,725 orang (24.27%).

Di kalangan remaja yang tidak terlibat dengan pembelajaran secara formal di Sekolah Menengah Atas, kebanyakan mereka terlibat dalam sektor tidak formal (swasta). Untuk melihat jumlah peratus remaja sekolah di Kotamadya Medan sila lihat Jadual 1.

**Jadual 1**  
**Taburan Jumlah Remaja yang Bersekolah dan Tidak Bersekolah di Kotamadya Medan Mengikut Tahun (1990-1993)**

Tahun	Remaja bersekolah (%)	Tidak bersekolah (%)	Jumlah
1990	87,759 (75.70)	28,129 (24.30)	115,888
1991	92,378 (76.00)	29,609 (24.00)	121,987
1992	97,239 (75.60)	31,167 (24.40)	128,406
1993	102,101 (75.73)	32,725 (24.27)	134,826

Sumber : Regional Development Planning Board, *Province of North Sumatra*, 1993.

### **Kontek Permasalahan Remaja**

Rancangan Pembangunan Jangka Panjang Indonesia (1969-1994) atau Repelita telah banyak mencapai kemajuan, khasnya dalam bidang ekonomi. Hal ini terbukti dengan bertambahnya pendapatan rakyat

secara nasional rata-rata per kapita lebih US\$ 600 se tahun (World Bank, 1995).

Kejayaan pembangunan ekonomi yang disertai dengan peningkatan pelbagai kemudahan am, kemajuan teknologi dan maklumat memungkinkan masyarakat Indonesia memperoleh kesempatan yang lebih terbuka untuk hidup lebih sejahtera.

Pembangunan bukan sahaja memberi kesan positif malah akan memberi kesan negatif terhadap masyarakat jika pembangunan material tidak diimbangi dengan pembangunan rohani. Kemajuan ekonomi dan kemodenan akan mempengaruhi penggunaan masa lapang terutamanya golongan remaja yang berpunca daripada keadaan ekonomi dan keramaian bandar tersebut (Gihring, 1983).

Antara kes-kes yang berlaku di Kotamadya Medan ialah yang berkaitan dengan keruntuhan moral belia yang dilakukan di tempat-tempat hiburan dan hotel-hotel (Tempo, 1990). Selain itu banyak juga berlaku kes rompakan, kekerasan, ke curian, penyalahgunaan dadah (Gatra, 1995).

Keadaan ini bercanggah dengan matlamat pendidikan nasional yang menekankan mencerdaskan kehidupan bangsa dan mengembangkan manusia Indonesia seutuhnya. Adapun dimaksud dengan manusia seutuhnya iaitu manusia yang beriman dan bertaqwa terhadap Tuhan Yang Maha Esa dan berbudi pekerti luhur, memiliki pengetahuan dan ketrampilan, kesihatan jasmani dan rohani. Selain itu mempunyai kepribadian yang mantap dan berdikari serta memiliki rasa tanggungjawab kemasyarakatan dan kebangsaan.

Kenakalan remaja terutama murid-murid sekolah didapati semakin teruk setiap tahun. Isu remaja sekolah terlibat dalam kegiatan yang berunsur negatif semakin bertambah. Misalnya, terdapat lebih kurang 40 kes kenakalan remaja sekolah di Kotamadya Medan setiap tahun dan apa bila dipuratakan didapati tiga atau empat kes kenakalan remaja sekolah yang amnya menyalahi undang-undang, dalam sebulan.

Sila lihat Jadual 2



**Jadual 2.**

**Kes-Kes yang Pernah Dilakukan oleh Remaja Sekolah  
di Kotamadya Medan, Tahun 1994.**

Bulan	Jumlah Kes	Jenis Kes
Jan. - Feb	6	Penganiayaan, Pencurian, Rompak, Dadah.
Mac - Apr	4	Pencurian, Penipuan, dan Kekerasan
Mei - Jun	4	Pencurian.
Julai - Ogos	10	Pencurian, Perusakan, Rompak, Pemerasan, Pembunuhan, dadah
Sep - Okt	8	Pencurian, Rompak
Nov - Dis	8	Penganiayaan, Pencurian, Dadah, rompak

Sumber : Data Kepolisian Kota Besar Medan, 1994

### **Strategi Penggunaan Masa Lapang**

Berdasarkan kepada kadar kegiatan negatif yang dilakukan oleh golongan remaja maka strategi yang berkesan lagi positif telah dirancang serta dilaksanakan bagi membimbing dan mempertingkatkan lagi nilai kehidupan remaja sekolah. Strategi-strategi ini termasuklah aktiviti

remaja masjid, pesantren kilat Ramadhan dan kelas bimbingan yang telahpun diadakan di sekolah-sekolah menengah atas.

Namun demikian minat remaja sekolah dalam aktiviti ko-kurikulum yang dilakukan oleh sekolah amat kurang dan ini perlulah mendapat perhatian supaya remaja dapat melibatkan diri dalam meningkatkan kemampuan yang ada dalam diri mereka. Seperti yang dikatakan oleh Murphy, (1981) bahwa masa lapang ini merupakan bahagian terpenting dari kehidupan dan setiap orang bebas untuk menggunakan masa lapangnya. Oleh yang demikian persoalan pengamalan masa lapang bagi remaja perlu sentiasa diambil berat oleh ibu bapa, masyarakat dan juga institusi yang berkaitan dengan pendidikan (tempat sekolah remaja tersebut).

Sehubungan dengan ini penyelidikan dikendalikan untuk memahami bagaimana remaja sekolah mengguna masa lapangnya.

### **Pernyataan Masalah**

Kebanyakan remaja pada hari ini kurang perhatian dengan masa lapang mereka dengan menjalankan aktiviti-aktiviti yang berfaedah.

Sebahagian besar daripada mereka biasa menghabiskan masa lapang dengan aktiviti yang berkait dengan peperiksaan semata-mata dan hal ini tidak akan menghasilkan individu yang membangun secara keseluruhannya.

Sehubungan dengan senerio masalah belia dan harapan negara, beberapa persoalan utama perlu difahami. Persoalan ini termasuklah, bagaimana remaja sekolah menggunakan masa lapang pada hari cuti. Sejauh mana aktiviti-aktiviti masa lapang remaja membawa ke arah yang lebih penting dan sebaliknya. Terdapat perbezaan atau tidak di antara amalan remaja lelaki dan perempuan dalam penggunaan masa lapang mereka.

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan gambaran awal tentang aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh para remaja sekolah semasa hari cuti.

## **Objektif Kajian**

### **Objektif am**

Kajian ini dilakukan untuk mengetahui amalan penggunaan masa lapang di kalangan remaja sekolah atas tingkatan dua dan tiga di Daerah Kotamadya Medan.

### **Objektif khusus**

Secara khasnya objektif kajian ini ialah untuk mengetahui :

1. Profil remaja sekolah menengah atas tingkatan dua dan tiga di Kotamadya Medan.
2. Minat/hobi remaja sekolah menengah atas tingkatan dua dan tiga di Kotamadya Medan.
3. Aktiviti masa lapang yang dilakukan oleh remaja sekolah menengah atas tingkatan dua dan tiga pada hari cuti (Ahad).
4. Perbezaan amalan aktiviti masa lapang antara remaja sekolah lelaki dan perempuan pada hari cuti (Ahad).

## **Kepentingan Kajian**

Walaupun terdapat banyak kajian mengenai remaja, namun kajian masalah masa lapang remaja sekolah secara khusus belum pernah dikaji.

Kajian ini penting bagi :

1. Membolehkan pihak-pihak yang berkaitan dengan remaja sekolah, (seperti Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan, sekolah atau Yayasan, keluarga remaja) merancang program-program yang lebih berkesan untuk para remaja pada masa-masa yang akan datang.
2. Penemuan yang diperoleh dapat digunakan untuk mempertingkatkan usaha bagi mewujudkan aktiviti di luar kurikulum bagi membolehkan remaja sekolah menggunakan masa lapang secara berfaedah atau produktif.
3. Penemuan daripada kajian ini selanjutnya diharapkan berguna bagi penyelidik-penyelidik lain sebagai maklumat awal untuk membuat kajian yang lebih menyeluruh.

## **Definisi Istilah**

### **Aktiviti/Kegiatan**

Kegiatan yang dilakukan oleh seseorang remaja sekolah pada hari cuti sekolah, baik secara formal ataupun tidak formal.

### **Masa Lapang**

Masa lapang ialah masa seseorang (individu) bebas melakukan sebarang pekerjaan atau tugas-tugas yang lain. Dalam kajian ini, masa lapang dirujuk kepada masa lapang remaja sekolah pada hari cuti sekolah.

### **Remaja Sekolah**

Merujuk kepada murid sekolah menengah lelaki dan perempuan yang berumur dalam lingkungan 15 hingga 18 tahun.

## BAB II

### Tinjauan Bahan Bertulis

#### Pengenalan

Bab ini membentangkan konsep masa lapang, jenis-jenis aktiviti masa lapang, penggunaan masa lapang di kalangan remaja lelaki dan perempuan dan faktor yang berkaitan. Bab ini juga membincangkan kesan dan faedah/manfaat aktiviti masa lapang.

Waktu lapang mempunyai pengertian yang sangat luas. Di antaranya ada yang mengertikan waktu lapang itu sebagai suatu keuntungan, sebagai masalah dan kedudukan dalam masyarakat. Edginton, *et al.* (1989) berpendapat bahawa waktu lapang biasanya didefinisikan daripada lima orientasi utama iaitu :

1. Waktu lapang dapat dipandang sebagai suatu waktu tanpa kewajiban, atau pada waktu seseorang bebas untuk memilih aktiviti yang sesuai mengikut keinginan dan keperluannya.

2. Aktiviti waktu lapang dapat didefinisikan sebagai aktiviti seseorang yang dapat ikut serta di dalamnya.
3. Waktu lapang adalah gaya kebiasaan atau sikap yang dapat muncul di dalam setiap aktiviti, penekanannya ditujukan atas situasi pikiran.
4. Simbol kelas sosial (stratifikasi sosial), bahawa waktu lapang didefinisikan dengan keinginan menunjukkan kemampuan seseorang memiliki waktu lapang, menggunakan barang-barang dan produk pada waktu lapang.
5. Secara holistik, waktu lapang adalah suatu kombinasi daripada beberapa definisi di atas, dengan memberi penekanan pada kebebasan yang dirasakan oleh individu yang menjalankan aktiviti dan peranan waktu lapang dalam membantu mereka mengenal jati dirinya.

### **Konsep Masa Lapang**

Pelbagai istilah dan konsep telah digunakan untuk mengenal pasti konsep waktu lapang. Antaranya ialah berpelesir atau bersenang-



senang, bermain, melepas lelah atau penat dan sebagainya. Kesemua pengertian ini tergolong dalam konsep masa lapang atau kesenggangan, iaitu suatu istilah yang diterjemahkan dari kata Inggeris “leisure” (Nurhalim, 1983)

Selain itu, fenomena mengenai waktu lapang, telah banyak ditunjukkan kepada suatu aktiviti, sikap dan juga sebagai suatu keadaan fikiran, sehingga menyukarkan untuk memahami erti sebenar perkataan kesenggangan tersebut. Secara etimologi istilah “leisure” itu berasal dari kata Latin “Licere” bermakna untuk menjadi bebas. Dari kata licere timbul istilah “loisir” dalam bahasa Perancis yang bermakna “dibenarkan”, dan kata “licence” dalam bahasa Inggeris bermakna bebas untuk menyeleweng dari peraturan, amalan dan sebagainya (Edginton, *et al*, 1989)

Istilah leisure dalam bahasa Greek tua ialah “schole” yang bermakna “aktiviti” tanpa tekanan keperluan. Kata school dalam bahasa Inggeris berasal daripada kata Greek. Dengan itu ia membawa implikasi bahawa ada hubungan yang rapat di antara “leisure” atau kesenggangan dengan sekolah atau pendidikan (Nurhalim, 1983).